

21 JUN 1998

MAHATHIR LEGA DENGAN PENGAKUAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau lega dengan pengakuan yang dibuat oleh timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk tetap setia kepadanya sebagai Presiden UMNO.

Beliau berharap pengakuan itu dapat menghilangkan cakap-cakap mengenai kononnya ada perbezaan pendapat dan perselisihan faham antara kedua-dua mereka sehingga kadang-kadang "membengangkan telinganya".

"Saya berasa amat gembira, kerana selepas ucapan Timbalan Presiden, seperti juga dengan tuan-tuan dan puan-puan, saya berasa lega kerana pengakuannya tentang kesetiaannya kepada saya bukan sebagai Mahathir tetapi sebagai Presiden parti," katanya ketika memulakan ucapan penggulungan pada hari terakhir perhimpunan agung UMNO selama tiga hari di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata, sudah banyak diperkatakan mengenai hubungan mereka berdua.

"Kadang-kadang kita terasuk juga kerana bila orang mai (datang) cerita macam-macam. Telinga manusia ini dia dengar, dia dengar sekali lagi, dua kali, tiga kali, 10 kali, kadang-kadang berasa macam nak percaya juga.

"Tapi bila berjumpa tak macam itu, berpisah bunyi lain balik. Cukup susah. Inilah nasib ahli politik," katanya.

Beliau turut memberitahu para perwakilan UMNO mengenai perasaan lega Anwar tentang pengakuan Naib Presiden UMNO Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi untuk menyokong Anwar.

"Tadi saya beritahu kepada Datuk Seri Anwar, dia kata apabila Datuk Seri Abdullah buat ucapan, dia berasa lega kerana Badawi menyokong dia, terutama berkenaan 50 sebab apa ka, apa ka (buku memperburukkan Anwar).

"Saya kata kepada dia dalam politik, tidak ada musuh yang kekal, tidak ada kawan yang kekal.

"Hari ini kita lawan, esok kita berkawan," katanya dengan seisi Dewan Merdeka gamat dengan gelak ketawa.

-- BERNAMA

AFY WAT